



Pertandingan Esei Neuroetika

**PELAWAAN MENYERTAI
PERTANDINGAN ESEI 2025**

Persatuan Neuroetika Antarabangsa (International Neuroethics Society, INS) dan Persatuan Neurosains Belia Antarabangsa (International Youth Neuroscience Association, IYNA) dengan sukacitanya mengumumkan pelawaan penyertaan bagi Pertandingan Esei Neuroetika 2025. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk minat terhadap bidang neuroetika dalam kalangan pelajar dan peserta latihan di seluruh dunia.

KELAYAKAN PENULIS

Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah, pelajar pascamenengah, serta penyelidik pascadoktoral atau peserta latihan awal kerjaya dari mana-mana negara. Pelajar mestilah sedang mengikuti pengajian, telah diterima masuk ke program pengajian untuk sesi akan datang, atau sedang dalam persediaan untuk memohon ke program siswazah. Golongan profesional tidak layak untuk menyertai pertandingan ini.

Tiada batasan terhadap program atau bidang pengajian penulis selagi mereka memenuhi syarat tahap pendidikan yang dinyatakan, dan esei yang dihantar menepati semua keperluan yang ditetapkan.

TOPIK ESEI

Esei boleh membincangkan sebarang topik dalam bidang neuroetika dan mestilah menangani sesuatu isu yang tertumpu di persimpangan antara sains minda dan otak, etika, serta undang-undang. Jawatankuasa tidak mengenakan batasan khusus terhadap topik neuroetika dan menggalakkan penulis untuk mengambil pendekatan yang kreatif dalam penulisan mereka.

Sila semak laman web rasmi pelawaan esei untuk maklumat dan syarat lengkap.

PENGHANTARAN

Tarikh akhir penghantaran ialah pada bulan Julai. Sila rujuk laman rasmi pelawaan esei untuk tarikh sebenar. Penyertaan yang lewat tidak akan diterima.

KATEGORI

- › Esei Akademik
- › Esei untuk Khlayak Umum
- › Esei Sekolah Menengah IYNA-INS
- › Esei Video

HADIAH

- › Hadiah wang tunai untuk esei terbaik
- › Keahlian pelajar dalam INS
- › Pendaftaran percuma ke persidangan tahunan neuroetika

KEPERLUAN

Esei bertulis mestilah dalam bahasa Inggeris, ditulis oleh seorang penulis sahaja, dan tidak melebihi had jumlah perkataan yang ditetapkan bagi setiap kategori.

Video mestilah menepati had masa yang ditetapkan, namun tidak terhad kepada penggunaan bahasa Inggeris sahaja.

Esei yang dihasilkan untuk tugasan pengajian terdahulu atau diadaptasi daripadanya juga layak untuk dihantar. Penulis mengekalkan semua hak terhadap karya mereka.

NEUROETHICSESSAYCONTEST.COM



Persatuan Neuroetika Antarabangsa ialah komuniti yang terdiri daripada pelajar, sarjana, penyelidik dan saintis yang berdedikasi dalam bidang neuroetika. Persatuan Neurosains Belia Antarabangsa ialah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang diketuai oleh golongan belia di peringkat global dan menyokong pendidikan dalam bidang neurosains.